

**NO.GILIRAN : 003**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN MINISTERIAL QUESTION TIME (MQT)**

**PERTANYAAN : MQT**

**DARIPADA : PARIT SULONG**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan penjelasan berhubung fenomena air pasang besar yang berlaku dan bagaimanakah persediaan dalam menghadapinya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian air pasang besar adalah fenomena biasa yang berlaku 2 kali pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, fenomena air pasang besar yang melanda negara pada ketika ini adalah lebih tinggi daripada kebiasaan disebabkan oleh faktor kedudukan bulan yang hampir dengan bumi (perigee) dan bulan penuh. Fenomena ini dijangka akan terus berlaku sehingga hujung tahun ini dan boleh menjadi lebih buruk sekiranya berlaku angin kencang, ombak kuat dan ribut ketika air pasang yang menyebabkan limpahan air laut di kawasan pesisir pantai. Pertembungan hujan lebat di daratan dan pengaruh air pasang ini lazimnya akan menyebabkan berlakunya banjir kilat di kawasan rendah.

Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menangani masalah ini. Antaranya adalah seperti berikut:

### **i) Langkah jangka pendek**

- a) Melaksanakan kerja-kerja pembaikan segera bagi membaikpulihkan pantai, struktur lapis lindung (*rock revetment*) serta kawasan tebing pantai yang rosak akibat fenomena air pasang besar yang telah berlaku di empat negeri iaitu Selangor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang.

## ii) Langkah jangka panjang

- a) Membina ban pantai dengan rekabentuk yang sesuai untuk menghadapi fenomena air pasang besar yang berlaku.
- b) Menaiktaraf dan meninggikan ban-ban pantai sedia ada di kawasan yang berisiko untuk dilimpahi air laut khususnya di kawasan rendah dan landai ketika berlaku fenomena pertembungan air pasang besar, ombak kuat, pusuan ribut (*storm surge*) dan angin kencang.
- c) Mengekalkan pokok bakau sebagai zon penampungan (*buffer zone*) serta program penanaman semula pokok bakau bagi mengurangkan impak ombak terhadap kawasan ban dan pesisiran pantai.

Sekian, terima kasih.